

Seminar galak belia hayati jasa Tun Razak

BH - 19/5/2007

KUALA LUMPUR: Sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan negara, Akademi Pemuda Umno dengan kerjasama Alumni Yayasan Tun Razak akan menganjurkan seminar 'Legasi Tun Abdul Razak kepada Pembangunan Negara' selama dua hari mulai 15 Jun ini.

Seminar itu bertujuan mengimbas kembali jasa bekas Perdana Menteri Malaysia kedua serta bertujuan memberi penerangan khasnya kepa-

da belia untuk menilai perjuangan pemimpin negara untuk dijadikan panduan kepada generasi muda.

Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, berkata seminar itu akan menyingkap dasar Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang mencorak negara di zamannya serta pemimpin selepas itu dan mengenal pasti dasar yang belum tercapai.

"Kita pilih Tun Abdul Razak kerana sudah banyak tumpuan diberikan ke-

pada Allahyarham Tunku Abdul Rahman. Kita imbas kembali zaman peralihan itu dan dasar perkongsian kuasa yang dijadikan dasar perkongsian negara pada zaman Tun Abdul Razak," katanya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Seminar dua hari itu akan diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara.

Ahli panel yang pakar dalam membincangkan empat isu utama

iaitu pelajaran, kerajaan dan masyarakat, ekonomi dan pembangunan dan hubungan antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak akan merasmikan seminar itu.

Antara ahli panel yang dijemput ke seminar itu ialah Pengarah Pertama Institut Teknologi Mara, Tan Sri Arshad Ayub; Pro Canselor Universiti Teknologi Mara dan juga bekas Ketua

Pengarah Kementerian Pelajaran, Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad; bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar; bekas Menteri Sains, Alam Sekitar dan Teknologi, Tan Sri Michael Chen dan Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad.

Seminar itu terbuka kepada orang ramai yang boleh mendaftar melalui laman web www.ptr.com.my atau menghubungi Akademi Pemuda di talian 03-40440159 atau 03-40438658.